

Menghadapi Cabaran Etika Masyarakat Moden ¹

oleh

Fadli Fawzi

Kemajuan yang pesat dalam bidang sains dan perubatan telah memberi bermacam kemampuan bagi para saintis seperti penggubahan baka yang kadangkala boleh bercanggah dengan prinsip serta melanggar batas-batas agama. Dari pandangan agama, badan manusia dianggap sebagai ciptaan dan milik Tuhan yang merangkumi konsep roh yang ada dalam diri manusia sebagai penjalin hubungan antara manusia dengan Tuhan. Perbahasan sebegini bukan sesuatu yang baru. Umpamanya, perbahasan tentang larangan terhadap pengguguran bayi masih berterusan dari dahulu hingga sekarang di kalangan masyarakat Katolik. Malah, masyarakat Islam juga tidak terkecuali. Perbezaan pendapat yang ketara wujud pada satu ketika tentang isu pemindahan organ seperti ginjal.²

Melihatkan dilema ini, ada pihak mungkin dengan mudah mengatakan ini berpunca dari pemikiran kurang rasional sekelompok penganut agama yang menyebabkan mereka tidak mahu meraih faedah dari kemajuan teknologi. Namun, masalah ini sebenarnya lebih rumit. Pada hakikatnya, sistem sains dan teknologi sememangnya tidak mempunyai landasan moral tersendiri iaitu ia bersifat 'amoral' yakni ia bukanlah sesuatu yang betul atau salah. Namun, ini tidak bermakna bahawa kemajuan sains boleh berlaku tanpa meninggalkan kesan yang boleh menimbulkan permasalahan. Umpamanya, teknologi pengklonan dan sains kejuruteraan genetik (*genetic engineering*) adalah sesuatu kemajuan yang baik. Namun, pada suatu sudut, ia juga boleh merendahkan nilai intrinsik atau maruah tubuh manusia sehinggakan ia menjadi satu komoditi atau barangan yang terikat pada nilai ekonomi. Di samping itu juga, tanpa sistem adil yang mampu mengawasi proses dan cara organ diagihkan, golongan miskin akan menjadi objek eksploitasi yang mana organ mereka akan menjadi buruan bagi golongan kaya.

Peranan Agama di Ruang Awam

Ini merupakan di antara isu-isu yang memerlukan respon yang bijak dan sesuai dari masyarakat agama yang berpegang pada sistem etika dan moraliti. Oleh itu, ia membawa kita kepada persoalan: Apakah peranan agama di ruang awam (*public sphere*) ? Bagaimanakah caranya masyarakat agama dapat memainkan peranan serta memberi sumbangan membina terhadap penggubalan dasar-dasar awam (*public policies*) ? Persoalan ini akan membawa masalah tersendiri sekiranya setiap kelompok agama berpegang pada satu identiti atau pandangan eksklusif yang meluaskan jurang perbezaan di antara satu kelompok agama dengan yang lain. Akibat kecenderungan sebegini, pandangan agama sering disisihkan dari ruang awam serta dihadkan hanya dalam ruang peribadi sebagai penyelesaian mudah untuk mengelakkan sebarang pertembungan. Malangnya, penyelesaian sebegini juga akan melemahkan pesan-pesan moral agama dan menghalang terbentuknya perpaduan antara agama yang dapat berfungsi di dalam ruang sivil.

Untuk mengatasi masalah ini, satu pendekatan lain pernah diketengahkan oleh beberapa kumpulan agama. Tanpa menyetepikan identiti eksklusif masing-masing dan akur akan realiti masyarakat berbilang agama, kumpulan-kumpulan agama ini menganjurkan kerjasama secara strategik di dalam isu yang dikongsi bersama. Di antara contoh yang dapat kita lihat baru-baru ini adalah perdebatan sekitar isu-isu seperti pembukaan kasino di Singapura dan usulan dimansuhkan Artikel 377A di dalam perlembagaan negara yang mengiktiraf seks sejenis sebagai jenayah. Kelemahan pendekatan sebegini, adalah ia tidak mungkin berdaya untuk membina prinsip moraliti awam (*public morality*) yang bertahan pada jangka masa yang panjang.

Sebaliknya, satu alternatif yang boleh difikirkan adalah penerapan pendekatan yang dapat merumus dan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam setiap agama luhur. Nilai-nilai kemanusiaan ini bersifat universal dan dapat dijadikan dasar kerjasama antara kelompok berbilang agama. Namun, pendekatan ini mungkin dicurigai oleh sesetengah pihak yang melihatnya sebagai usaha ingin menjadikan semua agama sama ataupun mengikis keunikan agama masing-masing. Inilah yang sebenarnya menjadi hambatan bagi pertumbuhan apa yang disebut oleh Robert N. Bellah sebagai 'agama sivil'.³ []

NOTA

¹ Artikel ini merupakan renungan awal dari lawatan Prof. Abdulaziz Sachedina atas undangan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) untuk *Siri Pemikiran Islam Kontemporari*. Prof. Sachedina adalah Profesor Pengajian Agama dari Universiti Virginia di Amerika Syarikat yang telah banyak menulis dan mengkaji isu-isu etika dalam bidang sains dan perubatan, perundangan Islam serta hak-hak kemanusiaan. Beliau merupakan pakar rujuk Muslim di Amerika Syarikat dalam perbincangan tentang isu-isu bioetik di peringkat nasional.

Secara umum, kesarjanaannya berpaksi pada konsep etika universal yang menyentuh tema-tema seperti keadilan, toleransi dan kesetaraan sesama manusia, sepertimana yang termaktub di dalam kitab suci al-Qur'an serta sistem keilmuan para sarjana Islam terdahulu. Tema-tema penting ini menjadi titik permulaan kupasannya terhadap persoalan bagaimana masyarakat Islam dapat menjalin hubungan dengan masyarakat lain pada landasan yang demokratik dan saksama. Ini penting di dalam konteks kenegaraan dan kehidupan plural dan kosmopolitan. Namun, beliau mengaku walaupun tema-tema ini merupakan prinsip ideal agama Islam, sejarah tamadun umat Islam tidak selalu memancar dan menghidupkan prinsip-prinsip ini. Namun, penting untuk kita memupuk kembali semangat etika Islam yang universal dan bukan kepada penekanan yang melampau terhadap bentuk luaran (*external form*) ajaran Islam sahaja.

² Untuk rangkuman perbahasan, lihat Syed Hussein Alatas, *Biarkan Buta: Sekitar Perbahasan Ilmiah Mengenai Derma Cornea-Mata dengan Majlis Ugama Islam, Singapura, 10 Ogos-7 September 1973* (Singapura: Pustaka Nasional, 1974).

³ Lihat Robert N. Bellah & Phillip E. Hammond, *Varieties of Civil Religion* (San Fransico: Harper and Row, 1980).